

20 DEC 1996

DR MAHATHIR TERIMA ANUGERAH YAYASAN TUANKU SYED PUTRA

KANGAR, 20 Dis (Bernama) -- Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis (YTSP) setelah diperkenankan oleh Raja Perlis menganugerahkan Anugerah Cemerlang Diraja (Tuanku Raja Perlis) kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim selaku Timbalan Pengerusi yayasan berkenaan semasa mengumumkan perkara itu bagi pihak Raja Muda Perlis yang juga Pengerusi YTSP di pejabatnya di sini, hari ini, berkata, anugerah itu dikurniakan pada 5 Disember lepas sempena ulang tahun peringatan Jubli Emas pemerintahan Raja Perlis.

Beliau berkata, anugerah itu merupakan anugerah YTSP yang tertinggi dan julung kali disampaikan kepada seorang pemimpin negara sebagai mengenang jasa dan perkhidmatan cemerlang Dr Mahathir kepada rakyat dan negara selama ini.

Menurut beliau, anugerah itu diberikan kepada seorang sahaja penerima lima tahun sekali.

Beliau berkata, penerima anugerah itu akan menerima bintang Anugerah Cemerlang Diraja bersama-sama dengan wang tunai berjumlah RM100,000 yang akan dikurniakan sendiri oleh Raja Perlis dalam satu istiadat khas yang akan diadakan di negeri itu pada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

-- BERNAMA

IQ PR